

## 441 atlet sandaran Pahang di Sukma XX

Mohd Rafi Mamat  
sukanteam@nst.com.my



ATLET menembak Pahang sedang menjalani latihan persiapan ke Sukma 2022. FOTO ihsan MSP

Kuantan: Kontinjen Pahang menyenaraikan 441 atlet yang akan bersaing pada temasya Sukan Malaysia (Sukma) XX 2022 di Kuala Lumpur, September ini.

Pengarah Majlis Sukan Pahang (MSP), Zamri Hassan berkata, atlet Tok Gajah bersaing dalam 29 daripada 31 acara yang dipertandingkan sepanjang kejohanan sukan dwitahunan itu.

Menurutnya, mereka akan diiringi 140 pegawai terdiri daripada jurulatih, penolong jurulatih, pegawai perubatan dan individu yang terbabit dalam acara dipertandingkan.

"Kontinjen Pahang menyandarkan harapan untuk membawa pulang pingat dalam empat acara utama iaitu menembak, silat, memanah dan olahraga.

"Bagaimanapun, kami yakin atlet sukan lain turut mampu menyumbang pingat untuk kontinjen Tok Gajah," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, rekod pencapaian Pahang pada Sukma 2018 di Perak adalah 33 pingat emas, 20 perak dan 30 gangsa dan berada di kedudukan keenam keseluruhan.

Katanya, semua atlet kini giat mengikuti latihan pusat di bawah bimbingan jurulatih masing-masing.

"MSP hanya akan putuskan sasaran pingat selepas mesyuarat jawatankuasa pada 27 Julai nanti dan semua pasukan akan menetapkan kemampuan meraih pingat setiap atlet mereka.

"Saya berharap kontinjen Pahang dapat memperbaiki kedudukan, tidak mustahil kita dapat berada pada kedudukan terbaik sekiranya atlet turun dengan misi merangkul kejayaan," katanya.

**Disiarkan pada: Julai 12, 2022 @ 7:09pm**